

**Akses Penuh Pengisytiharan Harta Perlu Diperluas Kepada Pegawai Tinggi Kerajaan
Bernama
28 Februari , 2012**

KUALA LUMPUR, 28 Feb (Bernama) -- Kebenaran akses penuh kepada pengisytiharan harta perlu diperluaskan kepada pegawai tinggi kerajaan termasuk Ketua Setiausaha Negara (KSN) dan Ketua Setiausaha Kementerian, kata Ketua UMNO Bahagian Cheras, Datuk Syed Ali Alhabshee.

Beliau berkata langkah itu bagi menjamin kewibawaan serta integriti Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dalam usaha melahirkan ketelusan di kalangan penjawat awam.

"Ia juga sejajar dengan transformasi pentadbiran awam yang diperkenalkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak.

"Akses itu perlu diperluaskan kerana sebelum ini timbul pelbagai dakwaan kononnya ada pegawai tinggi kerajaan termasuk menteri dan timbalan menteri memiliki aset di luar negara," katanya dalam entri terbaru blog Umnocheras.

"Dengan langkah yang lebih luas itu, kita berharap SPRM dapat menjalankan siasatan secara menyeluruh bagaimana kemampuan mereka memiliki aset termasuk hartanah di luar negara," katanya.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=648692>